



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**TEKS UCAPAN
YB DATUK SERI UTAMA TENGKU ADNAN BIN TENGKU
MANSOR
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

MAJLIS PERASMIAN MINI UTC LABUAN

6 FEBRUARI 2016 (SABTU) LABUAN

Bismillahir Rahman Nirrahim

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam
Sejahtera dan Salam 1Malaysia**

**YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak,
Perdana Menteri Malaysia**

**YB Dato' Dr. Loga Bala Mohan,
Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan**

**YB Datuk Rozman bin Datuk Hj. Isli,
Ahli Parlimen Labuan merangkap Penggerusi Perbadanan
Labuan**

YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi bin Zainal,
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

YBhg. Datuk Seri Adnan bin Hj Md Ikshan,
Ketua Setiausaha,
Kementerian Wilayah Persekutuan

YBhg. Datuk Seri Hj. Mhd. Amin Nordin bin Abd. Aziz,
Datuk Bandar Kuala Lumpur

Y.Bhg Datuk Seri Haji Hasim Bin Haji Ismail,
Presiden, Perbadanan Putrajaya

**YBhg. Dato' Mohd Nadzri bin Osman,
Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Labuan**

**Ketua-ketua Agensi di bawah Kementerian,
Serta para pegawai kanan Kementerian**

**Yang Berhormat Ahli-Ahli Parlimen dari Wilayah
Persekutuan,**

**Ketua-ketua Agensi di bawah Kementerian,
Serta para pegawai kanan Kementerian**

Para Dif-Dif Kehormat yang saya muliakan dan rakan-rakan media.

Hadirin-hadirat, tuan-tuan dan puan-puan seluruh warga Wilayah Persekutuan Labuan yang saya kasihi sekalian.

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan izin dan limpah kurniaNya juga, dapat kita bersama-sama berhimpun pada petang ini untuk di Majlis Perasmian Pusat Transformasi Bandar UTC Labuan.

2. Saya amat berbesar hati dan berterima kasih dengan kehadiran YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak dan isteri YBhg Datin Sri Rosmah binti Mansor ke Majlis Perasmian Pusat Transformasi Bandar UTC Labuan.
3. Untuk makluman YAB Dato' Sri Mohd Najib, pada hari ini juga kita mengadakan Kenduri 1Wilayah peringkat WP Labuan yang bermula sejak pagi tadi. Saya juga berbesar hati kerana perhimpunan pada petang ini disertai oleh semua warga Wilayah Persekutuan Labuan daripada

pelbagai kaum dan agama. Sesungguhnya ia adalah tanda sokongan dan komitmen yang tidak berbelah bahagi kepada YAB Dato' Seri, program-program yang dianjurkan oleh pihak Kerajaan. Syabas saya ucapkan kepada semua gerak kerja, Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Kerja Kementerian Kewangan, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Labuan dalam merealisasikan program.

4. Saya juga bersyukur kepada Ilahi kerana UTC Labuan ini telah siap dibina hasil persetujuan YAB Dato' Seri dan janji tetap ditepati. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kewangan, Kementerian Wilayah Persekutuan dan pihak Perbadanan Labuan. Wilayah Persekutuan Labuan memang memerlukan sebuah pusat sehenti bagi mendapatkan perkhidmatan yang disediakan oleh agensi-agensi kerajaan.

5. YAB Perdana Menteri dan rakyat Labuan.

6. Kita amat beruntung kerana Malaysia sentiasa dalam keadaan aman. Kita boleh mengadakan majlis sebegini dengan selesa, beriadah dengan tenang tanpa sebarang ketakutan. Kuncinya adalah perpaduan dan kerjasama. Sehubungan itu, soal perpaduan ini perlu sentiasa dijaga dengan baik; dan kita patut bersyukur kerana kerajaan yang mentadbir negara ini mampu mengekalkan keamanan dan mengutamakan kepentingan rakyat serta kesejahteraan negara.

7. Tema Sambutan Hari Wilayah pada tahun ini adalah ‘Wilayah Ceria Rakyat Sejahtera’. Tema ini dipilih dengan harapan supaya Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan menjadi sebuah bandar yang ceria dalam aspek persekitaran yang bersih serta indah, kehidupan yang kondusif dan selamat seiring dengan konsep *sense of belonging* yang ingin diterapkan kepada warga Wilayah Persekutuan. Selain itu, kesejahteraan warga Wilayah Persekutuan hanya dapat dicapai sekiranya kita dapat memastikan supaya semangat perpaduan, kekitaan,

kebersamaan dan perasaan sayang kepada Wilayah Persekutuan dapat diperteguhkan.

- 8. Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian:**
9. WP Labuan mempunyai banyak potensi untuk dimajukan dari segi pelancongan, institusi persisiran kewangan dan perbankan antarabangsa, hub logistik, institusi pendidikan awam dan swasta, hasilan laut dan pembangunan produk IKS.

10. Perbandaran Labuan perlu merancang untuk meningkatkan program lagi supaya ia dapat dijadikan satu kenyataan dalam membangunkan Labuan. Saya percaya jika kita semua mengembelingkan tenaga fikiran sudah pasti Labuan akan menjadi lebih maju. Dalam suasana untuk memastikan kita capai matlamat ini, saya rayu kepada semua pihak untuk *“think out of the box”* seperti yang di sarankan oleh YAB Dato' Seri.

11. Sekian, **WABILLAHITAUIK** **WALHIDAYAH**
WASSALAMUALAIKUM **WARAHMATULLAHI**
WABARAKATUH.

12. Terima kasih.